

Headline	AS kini ada senator gay pertama		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Nov 2012	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	115,967
Page No	L-49	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,365
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,095



AS kini ada senator gay pertama

MILWAUKEE - Wakil negeri Wisconsin daripada parti Demokrat, Tammy Baldwin (**gambar**) mencipta sejarah kelmarin apabila beliau dipilih menjadi senator gay pertama Amerika Syarikat (AS) dengan mengalahkan bekas Gabenor Tommy Thompson.

Ia merupakan persaingan paling mahal dengan kedua-dua calon berjaya mengumpul sekurang-kurangnya AS\$65 juta (RM198.18 juta) untuk kempen.

Kemenangan Baldwin adalah satu lagi tamparan hebat kepada parti Republikan.

"Saya bertanding bukan untuk mencipta sejarah," kata Baldwin dalam ucapan kemenangan beliau.

"Saya bertanding untuk membuat perubahan, perbezaan dalam kehidupan keluarga yang bergelut untuk mencari pekerja dan membayar bil-bil." - Reuters

